

### Latihan karangan 5 :

Pengurusan diri yang betul amat penting. Bincangkan cara pengurusan diri yang baik.

*Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.*

|              |                  |                 |                |                          |
|--------------|------------------|-----------------|----------------|--------------------------|
| <i>baik</i>  | <i>belajar</i>   | <i>kemas</i>    | <i>berguna</i> | <i>Bertanggung jawab</i> |
| <i>sihat</i> | <i>berdikari</i> | <i>disiplin</i> | <i>bijak</i>   | <i>kebersihan</i>        |

Pengurusan diri yang baik sangat penting untuk menjadi murid yang \_\_\_\_\_ (1). Kita perlu belajar mengurus diri sejak kecil supaya menjadi insan yang \_\_\_\_\_ (2) apabila dewasa kelak.

Antara cara mengurus diri dengan baik adalah menjaga \_\_\_\_\_ (3) diri. Kita mesti mandi setiap hari, memotong kuku dan memakai pakaian yang \_\_\_\_\_ (4).

Selain itu, kita perlu mengurus masa dengan \_\_\_\_\_ (5). Kita hendaklah menyiapkan kerja sekolah, membantu ibu bapa dan masih ada masa untuk \_\_\_\_\_ (6).

Kita juga mesti bijak memilih kawan yang \_\_\_\_\_ (7). Kawan yang baik akan membantu kita menjadi lebih \_\_\_\_\_ (8) dan rajin.

Kesimpulannya, pengurusan diri yang baik dapat membantu kita menjadi insan yang \_\_\_\_\_ (9). Oleh itu, kita mestilah berdisiplin dan \_\_\_\_\_ (10) dalam kehidupan harian.